From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KAYUHAN MERDEKA DAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA SLCP 2026: SEMARAK PATRIOTISME, BUDAYAKAN GAYA HIDUP SIHAT
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:32:20 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Dr. Mohamad Faizal bin Abd Matalib dan Izyan Izzati Zainuddin
Gambar oleh: Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia

KAYUHAN MERDEKA DAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA SLCP 2026: SEMARAK PATRIOTISME, BUDAYAKAN GAYA HIDUP SIHAT



UUM ONLINE: Sintok, 13 September 2026 – Semangat kemerdekaan dan sambutan Hari Malaysia diterjemahkan melalui aktiviti riadah apabila warga Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai Program Jom Sihat SLCP: Kayuhan Merdeka dan Sambutan Hari Malaysia SLCP 2026.

Program anjuran Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Insan, Kerohanian dan Rekreasi SLCP itu bukan sahaja menyemarakkan semangat patriotisme bersempena sambutan kemerdekaan dan menjelang sambutan Hari Malaysia pada 16 September, malah menjadi wadah untuk membudayakan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan dalam kalangan warga SLCP.

Dengan membawa Jalur Gemilang sepanjang kayuhan, para peserta memulakan perjalanan dari Pusat Sukan UUM sebelum melalui beberapa lokasi sekitar kampus, termasuk Akademi Golf Malaysia, Tugu Peringatan Sintok, Pejabat Pentadbiran SLCP dan Dewan MAS.



Menariknya, persinggahan di Tugu Peringatan Sintok turut disertai dengan perkongsian ringkas mengenai tugu tersebut serta kisah dan sejarah di sebalik pembinaannya. Pengisian ini memberi peluang kepada peserta untuk bukan sahaja beriadah, tetapi turut mengenali dan menghayati nilai sejarah yang terdapat di sekitar kampus UUM.

Kayuhan yang berlangsung dalam suasana santai itu turut membawa mesej kebersamaan, kecintaan terhadap negara dan penghargaan terhadap semangat kemerdekaan serta pembentukan Malaysia. Gabungan aktiviti fizikal dan pengisian sejarah menjadikan program ini lebih bermakna dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan peserta.



Penganjuran program ini juga bertepatan dengan aspirasi Program Jom Sihat SLCP yang menggalakkan warga pusat pengajian mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat melalui aktiviti riadah secara bersama, di samping mengukuhkan hubungan silaturahim dan semangat kebersamaan.

Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia bersama Jawatankuasa Pembangunan Insan, Kerohanian dan Rekreasi SLCP merakamkan penghargaan kepada semua peserta atas penyertaan, sokongan dan semangat yang diberikan dalam menjayakan program tersebut.

“Kayuh Bersama, Jiwa Merdeka, Malaysia Madani!”

Zms/jkk/2026



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.